

PERBARISAN SERAH TERIMA TUGAS KOMANDER PANGKALAN UDARA KUANTAN

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2850-perbarisan-serah-terima-tugas-komander-pangkalan-udara-kuantan

KUANTAN, 5 Jan 18 – Perbarisan serah terima tugas Komander Pangkalan Udara Kuantan di antara YBhg Brig Jen Dato' Noor Mohamad Akmar bin Mohd Dom TUDM dengan YBhg Kol Wan Amin Hafiz bin Wan Mahmud TUDM telah diadakan di *Dispersal Area* Cawang Kejuruteraan hari ini.

Upacara serah terima tugas ini telah disaksikan oleh Panglima Wilayah Udara 1, YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Faudzi bin Hj Ahmad TUDM serta anggota perbarisan yang terdiri daripada 60 pegawai, 440 anggota LLP dan 52 orang dari Tadbir Awam.

